

THE ROLE OF SUFISM AND TAREKAT IN THE SPIRITUAL CONSTRUCTION OF QUALITY HUMANS

PERANAN TASAWUF DAN TAREKAT DALAM PEMBINAAN SPIRITUAL INSAN YANG BERKUALITI

Muhammad Afif Yahya, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ahmad Sabri Osman

- ⁱ (*Corresponding author*). Pengurus, Akademi Terapi Sakinah, Jalan SP5/5, Bandar Saujana Putra, 42610, Selangor. afifyahya.harum@gmail.com
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. mohdhapiz659@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. ahmadsabri@uitm.edu.my

Abstract	<i>This study aims to discuss the role of Sufism and tarekat in the spiritual development of quality human beings. Sufism and tarekat are spiritual concepts and practices in the Islamic religion that aim to draw closer to God and improve a person's spiritual quality, while achieving the perfection of manners and good morals. A descriptive research method was chosen to carry out the study. Then, the study adopted a qualitative research approach by performing document analysis. Among the main documents analysed is the book Turath Jawi Siyar al Salikin, written by Sheikh Abdul Samad al-Falimbani. The findings of the study have been divided into three parts. First, spiritual education through the Sufism tarekat has three levels: the basic level when reaching the tamyiz stage, where parents play an important role in educating children; the middle stage during puberty, where children begin to learn fardu ain and fardu kifayah; and a high level for those who have mastered the fardu ain knowledge because of the concern that they will not be able to fully understand and implement the teachings of Sufism. The second part is the spiritual building process of a quality person with the purification of the soul (tazkiyah al-nafs). Finally, the third part is the method of spiritual education to form a quality spiritual person by educating the heart to be good, implementing training for the soul and spirit that connects people with the Creator, as well as having equal teachers and friends in the process of spiritual education. This study highlights the importance of spiritual education, which is the science of Sufism. It is very important to educate Muslims to purify their souls, always do good, and avoid immorality.</i> Keywords: Role, Sufism, Tarekat, Human Spiritual, Education.
Abstrak	<i>Kajian ini bertujuan untuk membahas peranan tasawuf dan tarekat dalam pembinaan spiritual insan yang berkualiti. Tasawuf dan tarekat merupakan konsep dan praktik spiritual dalam agama Islam yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Tuhan serta meningkatkan kualiti spiritual seseorang, sekaligus mencapai kesempurnaan adab dan akhlak yang baik. Kaedah kajian deskriptif telah dipilih untuk melaksanakan kajian. Kemudian, kajian mengguna pakai pendekatan kajian kualitatif dengan melaksanakan analisis dokumen. Antara dokumen utama yang dianalisis adalah dalam kitab</i>

	<i>Turath Jawi Siyar al Salikin karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Dapatan kajian telah dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, pendidikan kerohanian melalui tarekat tasawuf dengan tiga tahap iaitu tahap asas ketika mencapai peringkat tamyiz, di mana ibu bapa memainkan peranan penting mendidik anak; tahap pertengahan ketika umur baligh di mana kanak-kanak mula belajar ilmu fardu ain dan fardu kifayah; serta tahap tinggi bagi mereka yang menguasai ilmu fardu ain kerana kebimbangan bahawa mereka tidak akan dapat memahami dan melaksanakan sepenuhnya ajaran tasawuf. Bahagian kedua ialah proses pembinaan spiritual insan berkualiti dengan pembersihan jiwa (tazkiyah al-nafs). Akhir sekali, bahagian ketiga ialah kaedah pendidikan kerohanian bagi membentuk spiritual insan berkualiti dengan mendidik hati supaya menjadi baik, melaksanakan untuk melatih jiwa dan rohani yang menghubungkan manusia dengan Pencipta, serta mempunyai guru dan teman yang sama-sama dalam proses pendidikan kerohanian. Kajian ini menyorot kepentingan pendidikan kerohanian yang merupakan ilmu tasawuf yang sangat penting bagi mendidik umat Islam membersihkan jiwa dan sentiasa berbuat baik serta menjauhi maksiat.</i> Kata kunci: <i>Peranan, Tasawuf, Tarekat, Pendidikan, Kerohanian.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Tujuan utama institusi tarekat tasawuf adalah untuk membersihkan jiwa seseorang melalui pendekatan yang diajar oleh mursyid. Mursyid merujuk kepada guru yang menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memimpin pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri mereka sebagai insan soleh (Wan Ali et al., 2021). Selain itu, Aziz Yusof (2014) mengatakan mursyid adalah seorang yang mahir dalam memberi nasihat, terutamanya dalam membina kekuatan kerohanian dalam masyarakat. Dalam kes ini, mursyid harus menunjukkan kepimpinan yang hebat sehingga pelajar boleh mengikutinya (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al., 2015). Konsep mursyid sangat serupa dengan konsep permodelan guru terhadap pelajar mereka (Nursafra Mohd Zhaffar, 2017).

Tarekat menggalakkan pengamalannya kepada *tazkiyah* (kebersihan rohani) dan *tasfiyah* (kesucian rohani), yang termasuk sifat takwa, *zikrullah* dan *muraqabah* (kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan kita), serta pengamalan *suluk* atau *khalwat*. Semua ini berpusat pada aspek positif dan spiritual dalaman melalui pimpinan mursyid (Saleha et al., 2020).

Sebagai entiti spiritual, manusia mempunyai keperluan yang mendalam untuk mencari makna dalam hidup mereka. Walaupun kehidupan manusia terdiri daripada aspek material dan fizikal, terdapat ruang yang tidak boleh dipenuhi hanya dengan pencapaian material. Pembangunan spiritual membantu seseorang menjawab soalan tentang tujuan hidup, makna hidup, dan hakikat diri. Ia sangat penting bagi kehidupan manusia kerana ia merangkumi mencari makna hidup, keseimbangan holistik, penyembuhan, moral, keseimbangan emosional, dan hubungan dengan Tuhan yang Maha Esa. Pembangunan spiritual membolehkan seseorang berkembang dan berkembang secara spiritual, yang membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih bermakna dan penuh kepuasan.

Tasawuf membincangkan aspek dalaman yang dipanggil aspek rohani atau spiritual. Menurut Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, ilmu kerohanian umumnya dikenali sebagai ilmu tasawuf, yang merupakan proses mencari ilmu bermanfaat supaya dapat membentuk peribadi dan akhlak mulia (Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, t.t). Tarekat adalah asas tasawuf (Rahman et al., 2020). Pada abad ketiga dan keempat Hijrah, tasawuf digunakan untuk mencontohi setiap aspek kehidupan rohani Rasulullah SAW. Secara lebih jelas, orang Islam pada zaman itu meniru ahli tasawuf. Tasawuf telah berkembang kepada satu sistem pengamalan yang boleh dilaksanakan pada abad kelima dan keenam Hijrah. Oleh itu, institusi tarekat muncul sebagai organisasi pada kurun keenam dan ketujuh Hijrah dalam usaha untuk melaksanakan tasawuf secara lebih praktikal (Rahman et al., 2020).

Tarekat dianggap sebagai sebuah institusi dalam tasawuf, dan perkataan “tarekat” merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk mencapai pengukuhan spiritual Muslim. Pada masa kini, terdapat banyak tarekat muktabar yang sangat dihormati dalam masyarakat. Ini termasuk kumpulan Naqsyabandiyyah, Ahmadiyyah, Kubrawiyyah dan Qadiriyyah. Setiap organisasi tarekat pasti mempunyai struktur yang unik. Struktur ini terdiri daripada murid yang dipanggil *salik* dan guru yang dipanggil syekh mursyid. Di sinilah peranan guru untuk membantu *salik* melalui tunjuk ajar dan bimbingan untuk memastikan tahap pembinaan dan pembentukan rohani atau spiritual *salik* sampai kepada matlamat. Tegasnya, tahap kemantapan rohani seorang murid bergantung pada para mursyid yang mengetuai pengamalan tarekat. Ini disebabkan oleh fakta bahawa jalan yang perlu ditempuhi oleh elemen untuk mencapai matlamatnya penuh dengan cabaran. Cabaran ini sukar untuk diatasi dan diharungi tanpa bantuan ulama (Jahid, 2015).

PERNYATAAN MASALAH

Kajian menunjukkan terdapat 21 juta pengguna media sosial di Malaysia dengan pertumbuhan dua juta pengguna dari tahun 2020 hingga 2021. Sehubungan itu, terdapat sekitar 26 juta pengguna aktif media sosial yang mewakili 86% penduduk di Malaysia dan sejumlah 16.7% adalah dalam kalangan remaja yang berusia 13 hingga 17 tahun dengan melayari media sosial terutamanya Facebook dan diikuti oleh Instagram dengan kerap setiap hari (Muhammad Zaheer Firdaus, 2021). Peratusan pengguna media sosial yang majoritinya terdiri daripada remaja menunjukkan bahawa mereka ketagih dan obses dengan media sosial. Perkara ini agak membimbangkan memandangkan media sosial membolehkan mereka berhubung dengan setiap pelosok di dunia tanpa batas dan sempadan, sehingga menyebabkan mereka mudah terdedah dengan elemen negatif yang boleh membawa kepada gejala sosial (Fariza et al., 2020).

Malah, pelbagai jenis salah laku jenayah yang membabitkan harta benda atau jiwa manusia berlaku dalam masyarakat yang melibatkan golongan remaja di luar kawasan sekolah. Jenayah yang dilakukan bukan sahaja membahayakan diri remaja itu sendiri malah turut mengancam orang lain di sekelilingnya. Berdasarkan statistik penglibatan & tangkapan juvana dalam jenayah indeks yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2022), sejumlah 1,604 orang remaja yang berumur 13 hingga 18 tahun terlibat dengan kes juvana yang melibatkan kes jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di seluruh Malaysia bagi tahun 2022 sahaja. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, sejumlah 1,059 kes atau 66.02% adalah pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam.

Statistik kes juvana sedia ada yang berlaku di luar waktu persekolahan di seluruh Malaysia, sudah cukup membimbangkan. Tambah lagi, Astro Awani (2023) melaporkan sebanyak 4,994 kes buli telah direkodkan di sekolah dari Januari hingga Oktober 2023. Jumlah ini meningkat daripada 3,887 kes buli pada tahun 2022, dan hanya 326 kes buli pada tahun 2021 yang mungkin rendah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Astro Awani, 2023). Berita Harian (2021) turut menyorot masalah tingkah laku pelajar yang semakin meruncing termasuk menunggang motorsikal tanpa memakai topi keledar, serta menconteng kata-kata hinaan terhadap guru di belakang uniform sekolah dalam kalangan pelajar yang baru sahaja selesai menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Laporan statistik ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti remaja yang terlibat adalah pelajar sekolah menengah yang menerima pendidikan akidah dan ibadah di sekolah. Sedangkan di Malaysia, aspek yang ditekankan dalam pendidikan Islam adalah secara bersepadu yang merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan. Namun, Faizatul Najihah dan Faudzinain Badaruddin (2013) mengatakan isu ini terjadi disebabkan kurangnya penghayatan ajaran Islam dalam diri seseorang individu. Selain itu, latar belakang falsafah kapitalisme telah mengubah cara hidup manusia ke arah materialistik-hedonistik dan menimbulkan rasa takut dan kekacauan dalam masyarakat. Kehidupan manusia dipenuhi dengan kezaliman, kesedihan dan keruntuhan akhlak, seolah-

olah tiada harapan dan cinta lagi dalam kehidupan seharian mereka (Muzakkir, 2007). Manusia kini lebih mencintai dunia berbanding mengejar kebahagiaan di akhirat kelak.

Sehubungan itu, bagi menentukan kemenjadian remaja atau pembinaan spiritual insan yang berkualiti, aspek rohani perlu diutamakan. Ilmu kerohanian, atau ilmu tasawuf, adalah cara terbaik untuk manusia membersihkan diri mereka (*nafs*) daripada semua sifat kotor dan mengubahnya menjadi jiwa yang suci dan bersih. Hanya melalui proses ini matlamat setiap penyelidikan saintifik yang berfaedah akan mencapai matlamat untuk menghasilkan orang yang berakhlak mulia dan beradab. Mengetahui segala-galanya melalui Tuhan (*makrifat Allah*) adalah matlamat terakhir pendidikan kerohanian. Dalam tasawuf, ia dirujuk sebagai *al-mithaq*, iaitu perjanjian yang dibuat oleh makhluk dengan Pencipta.

﴿وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ ۖ شَهِدْنَا ۚ أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya Dengan firmanNya): “Bukankah Aku Tuhan kamu?” mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya Kamiadalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini” (al-Quran. Al-A'raf: 172).

KAJIAN LITERATUR

Pengertian dan Konsep Tasawuf

Tasawuf merujuk pada cabang ilmu dan praktik spiritual dalam Islam yang bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman langsung tentang Tuhan. Tarekat, di sisi lain, adalah jalur atau kaedah yang digunakan dalam amalan tasawuf.

Di dalam kitab *al-Luma'*, Al-Tusi (1914) menjelaskan beberapa definisi tasawuf, yang boleh didapati daripada ciri-ciri Sufi yang dinyatakan oleh al-Tusi. Beliau menyatakan bahawa orang alim yang mengenal Allah dan hukum-hukumnya, mengamalkan apa yang diajar, menghayati apa yang diajar, merasakan apa yang mereka rasakan, dan melebur dengan apa yang mereka rasakan dikenali sebagai sufi. Menurut al-Tusi, tasawuf terdiri daripada sekurang-kurangnya lima unsur termasuklah *Ilmu* (pengetahuan), *Amal* (pelaksanaan), *Tahaqquq* (penghayatan), *Wajd* (perasaan), dan *Fana'* (peleburan).

Menurut definisi ini, tasawuf bertujuan untuk mencari kebenaran sebenar dengan meninggalkan keseronokan duniawi. Kehidupan duniawi tidak diambil kira dan bahkan dijauhi kerana ia boleh menjejaskan ibadah dan hubungan dengan Allah. Kurdi (1368) mengatakan tasawuf adalah suatu ilmu yang dengannya diketahui hal ehwal kebaikan dan keburukan jiwa, cara membersihkannya daripada yang tercela dan mengisinya dengan sifat-sifat yang terpuji, cara melakukan suluk dan perjalanan menuju (keredhaan) Allah dan meninggalkan (larangan-larangan-Nya) menuju kepada (perintah-Nya). Pengertian ini menunjukkan bahawa tasawuf berkaitan dengan memurnikan jiwa dengan sifat-sifat terpuji, mendekatkan diri kepada Allah dan berada dalam makrifah.

Konsep dan Pengertian Tarekat

Terdapat dua jenis definisi tarekat iaitu tarekat umum dan tarekat khusus. Asal kalimah dalam al-Quran menyebut konsep tarekat, yang mengandungi kalimah *al-tariqah*, yang memberi maksud “jalan”:

﴿وَأَلَوْ اسْتَقَمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَهُمْ مَّاءً غَدَقًا﴾

Maksudnya: “Dan sekiranya mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu (agama Islam), nescaya Kami akan menurunkan kepada mereka itu air (hujan) yang cukup.” (al-Quran. al-Jin: 16)

Shamsul (2012) menyatakan makna tarekat umum merujuk kepada setiap jenis dan bentuk ibadat yang dilakukan oleh seseorang dengan matlamat untuk taqarrub kepada Allah SWT. Contoh ibadat ini termasuk solat, puasa, zakat, dan haji. Ini disebabkan oleh fakta bahawa intisari kepada kesemua ibadat tersebut ialah tindakan atau cara yang diambil oleh seseorang untuk mengabdikan diri mereka kepada Allah SWT dalam melaksanakan ibadat. Selain daripada ibadat wajib, makna tindakan umum ini juga meliputi ibadat sunat seperti bersedekah dan bertafakur. Secara ringkasnya, tarekat merujuk kepada penghayatan kehidupan kerohanian dalam diri seseorang yang bertujuan untuk sampai kepada Allah SWT melalui mana-mana cara sekalipun, tanpa terlibat dengan sebuah organisasi kesufian atau bimbingan seseorang mursyid.

Tarekat yang khusus pula adalah kaedah yang harus diikuti oleh para *salik* dalam usaha mereka untuk sampai kepada Allah SWT. Kaedah khusus ini termasuk pelbagai jenis tindakan yang perlu dilakukan (Rahman et al., 2020).

Selain itu, Jahid (2015) telah menukulkan pandangan Syaikh Najm al-Din Kubra berkenaan dengan pendefinisian tarekat yang khusus dengan katanya yang bermaksud:

“Dan tarekat itu ialah melakukan takwa dan perkara-perkara yang dapat menghampirkan diri kamu kepada Allah yang pasti melalui pelbagai bentuk rintangan dan pelbagai maqam.”

Shamsul (2012) berpendapat bahawa tarekat yang khusus merupakan tarekat ahli sufi kerana ia merupakan jalan zikir, mengandungi kaedah khusus, dan sanadnya sampai kepada Rasulullah SAW. Istilah “tarekat” juga biasa digunakan untuk merujuk kepada organisasi atau institusi tarekat yang menyatukan sesebuah kumpulan atau kelompok tertentu. Terdapat juga beberapa aktiviti atau amalan tertentu yang dilakukan oleh kumpulan ini. Salah satunya ialah zikir yang didahului dengan bai’ah daripada murid kepada mursyid tarekat tersebut (Sri Mulyati et al., 2005). Ringkasnya, tarekat yang merujuk kepada institusi tertentu dimaksudkan sebagai sebuah institusi kesufian yang mempunyai kumpulan murid yang dipimpin dan dididik oleh mursyid dan mempunyai undang-undang, prosedur dan amalan tertentu yang semua murid mesti mematuhi. Dengan kata lain, ia juga merujuk kepada *salik* atau murid yang bernaung di bawah pimpinan seseorang mursyid, serta mematuhi keseluruhan pengamalan kerohanian dalam institusi tarekat, seperti yang dinyatakan dalam perihal suluk (Zakaria, 2016). Dalam menjelaskan hubungan antara tarekat dan tasawuf, Jahid (2016) menyatakan bahawa kedua-dua disiplin itu saling berkaitan.

Tarekat adalah wasilah untuk mencapai tasawwuf, dan ia mempunyai makna yang sama dengan wasilah (perantaraan) yang disebutkan dalam al-Quran supaya diambil untuk berusaha mendekati Allah dan mencapai keredhaan-Nya (Rahman et al., 2020). Allah telah berfirman:

﴿قَالُوا نُرِيدُ أَنْ نَمُنَ بِمَا نَعْلَمُ أَنَّ قَدْ صَدَقْتَنَا وَنَكُونَ عَلَيْهَا مِنَ الشَّاهِدِينَ﴾

Maksudnya: “wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu semua kepada Allah dan carilah wasilah (perantaraan) kepada-Nya”. (al-Quran. al-Maidah:113)

Kedudukan tarekat sebagai wasilah dapat dirujuk kepada banyak ayat-ayat al-Quran. Antaranya ialah firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 69:

﴿وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang bermujahadah pada jalan Kami, maka Kami pasti akan menghidayatkan kepada mereka jalanjalan Kami”, (al-Quran. al-Ankabut: 69).

Firman Allah yang lain dalam surah al-Anfal ayat 29:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman sekiranya kamu bertaqwa kepada Allah, maka Dia akan menjadikan untuk kamu furqan (nur yang memisahkan antara kebenaran dan kebatilan)”, (al-Quran. al-Anfal: 29).

Begitu juga firman Allah dalam surah al-Jin ayat 16:

﴿وَأَلَوْ اسْتَقَمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَهُمْ مَّاءً غَدَقًا﴾

Maksudnya: “Dan sekiranya mereka itu istiqamah (tetap) di atas tariqah (jalan agama Allah), pasti kami akan curahkan kepada mereka air (kurniaan dan rahmat) yang mencurah-curah”, (al-Quran. al-Jin: 16).

Tiga komponen asas membentuk disiplin ilmu tarekat merangkumi mursyid yang membimbing, murid yang mendapat bimbingan, dan kaedah tertentu (Faudzinai, 2015). Istilah “*al-tariqah*” biasanya dirujuk kepada kumpulan tarekat tertentu dalam bidang ilmu tasawuf, seperti tarekat Naqshabandiyyah, tarekat Ahmadiyyah, dan sebagainya. Jahid (2016) menyatakan bahawa pengertian tarekat yang merujuk kepada organisasi seperti ini adalah unik kerana ia secara khusus bertujuan untuk memperbaiki hal ehwal rohani murid atau *salik*. Pada akhirnya, ini akan menyebabkan seseorang yang beriman menjadi seorang muhsin (mencapai tahap ihsan) dan kemudiannya dimasukkan ke dalam kumpulan *muqarrabun* di akhirat. Barmawie Umari (1961) menyatakan bahawa perkataan “tarekat” merujuk kepada kaedah atau jalan yang perlu diikuti oleh seseorang untuk mencapai keredaan Allah SWT. Al-Jurjani (1985) memahami tarekat sebagai:

“Tarekat adalah merujuk kepada sirah, iaitu jalan yang khusus bagi orang-orang yang berjalan menuju kepada Allah yang sudah pasti menghadapi pelbagai halangan dan melalui peningkatan (rohani) dalam pelbagai maqam.”

Konsep Spiritual Insan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, “spiritual” ialah istilah yang berkaitan dengan sifat kerohanian atau kejiwaan. Oleh itu, kita boleh mengatakan bahawa rohani dan spiritual adalah sinonim. Rohani adalah elemen yang hidup dan wujud dalam diri manusia dan mempunyai kedudukan yang sangat tinggi. Rohani seseorang individu boleh memberi kesan kepada kehidupannya dan setiap aspek yang berkaitan, selagi fizikal atau tubuh badannya menanggungnya. Secara lebih khusus, perkataan “Rohani” merujuk kepada setiap aspek kehidupan batin seseorang. Segala perihal roh, yang termasuk sifat dan komponennya, hanya diketahui oleh Allah SWT, kerana ia adalah elemen yang halus dan tidak dapat dilihat oleh mata manusia (Saleha et al., 2020).

Melalui roh, manusia hanya boleh mengetahui bahawa mereka boleh berfikir, cinta, benci, dan juga menginginkan sesuatu. Didapati bahawa roh, akal, nafsu, dan hati adalah komponen rohani seseorang, berdasarkan istilah yang digunakan dalam al-Quran untuk menerangkan rohani. Hati bertanggungjawab untuk membuat keputusan, roh berfungsi sebagai penimbang, dan nafsu bertanggungjawab sebagai penggerak. Komponen spiritual memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan watak dan sifat seseorang individu. Aspek spiritual juga sangat penting dalam membentuk keimanan dan ketakwaan seseorang individu (Afifuddin, 2017). Oleh itu, jelas betapa pentingnya untuk sentiasa menjaga dan memelihara aspek rohani atau spiritual seseorang. Ini dilakukan untuk memastikan akhlak dan moral manusia sentiasa dalam keadaan yang baik, yang boleh menghasilkan keperibadian yang sihat.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian deskriptif telah dipilih untuk melaksanakan kajian. Kemudian, kajian mengguna pakai pendekatan kajian kualitatif dengan melaksanakan analisis dokumen. Antara dokumen utama yang dianalisis adalah dalam kitab Turath Jawi *Siyar al Salikin* karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t). Kitab turath Jawi yang dipanggil *Siyar al-Salikin*, atau judul penuhnya *Siyar al-Salikin ila "ibadatil" Alamin*, menekankan idea bahawa manusia mesti membersihkan diri mereka (*nafs*) daripada semua sifat kotor dan mengubahnya menjadi jiwa yang suci dan bersih (Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, t.t).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pertama: Pendidikan Kerohanian Melalui Tarekat Tasawuf

Pendidikan kerohanian adalah elemen penting dalam ilmu tasawuf. Dalam kitab Turath Jawi *Siyar al Salikin* karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t), pembentukan *Insan Kamil* objektif tertinggi yang ingin dicapai melalui pendidikan kerohanian. Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t) merujuk *Insan Kamil* sebagai individu yang benar-benar mengenal Allah atau telah memperoleh ma'rifatullah, mempunyai nafsu yang suci dan sempurna (*kamalah*). Kitab *Siyar al Salikin* ini telah menekankan konsep pendidikan di mana setiap individu perlu melalui proses pembersihan diri (*nafs*) daripada segala sifat yang keji dan mengubahnya menjadi sifat yang baik dan murni.

Dalam pendidikan kerohanian demi pembentukan spiritual insan yang berkualiti, terdapat tiga tahap yang perlu dilalui oleh individu beragama Islam iaitu tahap asas, pertengahan, dan tinggi. Tahap asas adalah tahap pertama dalam pendidikan kerohanian kanak-kanak apabila mereka mencapai peringkat *tamyiz*. Pada tahap ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membina anak-anak dengan nilai-nilai kebaikan dan nilai-nilai keburukan. Pendidikan berasaskan prinsip moral dan akhlak mulia dilaksanakan dalam persekitaran yang tidak formal pada tahap ini. Pendidikan formal kanak-kanak yang menumpukan pada pelajaran membaca dan menghafal al-Quran kemudiannya melengkapkan asuhan yang berasaskan suri teladan adab mulia. Hussin (2020) mengatakan penceritaan mengenai sejarah kehidupan nabi dan orang-orang soleh adalah penting pada tahap ini supaya dapat menanamkan keimanan terhadap Allah SWT dan Rasullullah SAW.

Tahap pertengahan dalam pendidikan kerohanian pula berlaku semasa kanak-kanak mencapai umur baligh. Pendidikan pada tahap ini berlaku secara lebih formal kerana kanak-kanak pada umur ini sudah mula mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi tuntutan agama. Pendidikan pada tahap ini lazimnya terbahagi kepada dua iaitu ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t) menekankan pembelajaran ilmu fardu ain iaitu ilmu yang wajib dipelajari berbanding ilmu fardu kifayah (pilihan) untuk kanak-kanak pada tahap pertengahan ini. Tambah Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t) yang dinyatakan dalam Hussin (2020), ilmu kerohanian, atau ilmu tasawuf, adalah wajib untuk dipelajari sepanjang hayat. Alasan untuk tuntutan ini juga dinyatakan sebagai usaha untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tanpa penguasaan ilmu tasawuf, seseorang yang mahir dalam bidang lain mungkin terpedaya dengan bidang yang mereka kuasai. Oleh itu, keberkesanan pendidikan yang dijalankan pada peringkat ini dianggap bergantung kepada pembicaraan tentang ilmu tasawuf, yang mengkaji aspek kerohanian dan kejiwaan manusia.

Tahap tinggi pula adalah untuk mereka yang ingin mempelajari tentang kerohanian dan bersedia untuk melaksanakannya. Pada tahap ini, orang itu dianggap mahir dalam semua ilmu fardu ain kerana kebimbangan bahawa mereka tidak akan dapat memahami dan melaksanakan sepenuhnya ajaran tasawuf (Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, t.t). Sebelum melangkah ke tahap tinggi ini, terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi termasuklah bertaubat daripada segala dosa zahir dan batin, meninggalkan semua kemegahan dan kebesaran duniawi, mencari harta sekadar yang diperlukan, mengakui kebenaran tasawuf walaupun terdapat beberapa aspek yang secara zahirnya bercanggah dengan uruf atau adat kebiasaan, melakukan wirid yang ditetapkan, dan banyak berzikir kepada Allah. Proses

pendidikan pada tahap tinggi ini adalah panjang, dan memerlukan rujukan kitab tasawuf. Maka, ia dibahagikan lagi kepada tiga tahap pencapaian iaitu *muftadi*, *mutawassit* dan *muntahi*. Mereka yang baru menjalani pendidikan dan hati mereka belum bersih sepenuhnya daripada dosa batin seperti *riya'*, *ujub*, marah dan sebagainya dikenali sebagai *muftadi*. Kemudian, pada tahap *mutawassit*, hati individu tersebut telah bebas daripada segala maksiat zahir dan batin. Peringkat *muntahi* adalah peringkat terakhir di mana hati individu tersebut sentiasa mengingati Allah SWT dan jiwa mereka telah dibersihkan daripada segala dosa. Setiap peringkat dalam tahap tinggi memerlukan disiplin yang ketat perlu dipatuhi di bawah pengawasan dan penyeliaan guru yang mursyid. Selain itu, pelajar tahap rendah tidak dibenarkan mempelajari teks pada tahap yang lebih tinggi tanpa bimbingan guru kerana mereka bimbang fahamannya akan tersalah.

Kedua: Proses Pembinaan Spiritual Insan yang Berkualiti

Dalam pendidikan kerohanian, pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) adalah elemen utama bagi membina spritual insan yang berkualiti. Terdapat tiga jenis pembentukan nafs (keinginan nafsu) iaitu *nafs al-ammarah*, *nafs al-lawamah*, dan *nafs al-mutmainnah*. Ketiga-tiga jenis pembentukan nafs ini dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut:

Nafs al-Ammarah telah dijelaskan dalam Surah Yusuf, ayat 53:

﴿وَمَا أُبَرِّئُ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: Dan aku tidak (menyatakan) diriku bebas (dari kesalahan), karena sesungguhnya nafsu itu selalu mendorong kepada kejahatan, kecuali (nafsu) yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, Maha Penyayang, (al-Quran. Yusuf: 53)

Nafs al-Lawamah pula telah dijelaskan dalam Surah al-Qiyamah, ayat 2:

﴿وَلَا أَقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ﴾

Maksudnya: Bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati!, (al-Quran. al-Qiyamah: 2)

Nafs al-mutmainnah telah dijelaskan dalam Surah al-Fajr, ayat 27:

﴿يَا أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ﴾

Maksudnya: Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya!, (al-Quran. al-Fajr: 27).

Dalam proses pembersihan jiwa, terdapat enam martabat adab dan disiplin yang mesti dipatuhi (Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, t.t):

i. Musyaratah

Individu telah meletakkan syarat pada dirinya supaya mengelak segala maksiat zahir dan batin.

ii. Muraqabah

Ia juga dikenali sebagai ihsan. Individu sentiasa mengawasi diri dengan membuat ibadah dan mengelak daripada melakukan perkara yang tidak baik pada masa atau tempat. Konsep ihsan direalisasikan melalui ikhlas dalam setiap tindakan, sama ada melakukan perkara baik atau meninggalkan perkara buruk.

iii. Muhasabah

Penilaian yang dilakukan oleh individu terhadap perkara yang dilakukannya setiap hari. Seseorang itu harus mempunyai satu masa setiap hari untuk menghisab dan bertaubat. Ini adalah penting terutamanya untuk mereka yang melakukan perbuatan maksiat.

iv. Mu'aqabah

Individu menghukum diri dengan melaksanakan ibadah. Apabila seseorang menghisab perbuatannya dan melakukan amalan yang sia-sia atau maksiat, beliau harus menghukum dirinya dengan ibadat.

v. Mujahadah

Individu perlu bersungguh-sungguh melakukan ibadah selepas mencapai empat martabat di atas. Jika *salik*, individu tersebut harus meminta gurunya untuk memberikannya amalan tambahan. Apabila seseorang merasa malas untuk melakukan ibadah, beliau boleh mencari dan mendengar hadis atau kisah tentang kelebihan melakukan ibadah atau bersahabat dengan orang yang tekun melakukannya.

vi. Mu'atabah

Individu perlulah menyesal atas perbuatan yang sia-sia dan mencela diri kerana mengikut nafsu yang jahat (*nafs al-ammarah*), seterusnya menyoal diri sendiri atas kelalaian yang dilakukan dan menyebut dan mengingati hukuman yang dahsyat yang akan diterima akibat daripada dosa.

Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t) menambah seorang salik sentiasa diingatkan untuk meneliti dan melihat aspek batin dalam bentuk lintasan hati (*khatir*) yang diterima semasa melalui semua peringkat adab dan disiplin. Sebelum melakukan apa-apa tindakan atau keputusan, mereka harus sentiasa mengawasi aspek batin supaya sentiasa dapat membimbing hati, yang merupakan akal budi setiap manusia, dalam membuat keputusan.

Ketiga: Kaedah Pendidikan Kerohanian bagi Membentuk Spiritual Insan Berkualiti

Kaedah pendidikan yang diterangkan dalam Kitab Siyar al-Salikin karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t) adalah melalui kaedah ilmu dan amal, yang ditafsirkan melalui idea perjalanan ibadah kepada Allah SWT. Individu menuntut ilmu yang telah memenuhi ada dan disiplin dibenarkan menjalani suatu perjalanan kerohanian yang secara formal memfokuskan pada ajaran tasawuf. Matlamat akhir dalam pendidikan kerohanian adalah *mardatillah* iaitu keredhaan Allah.

Kaedah pertama adalah mendidik hati supaya menjadi baik. Ia adalah penting dalam proses pembentukan spiritual insan berkualiti. Kaedah ini dipanggil juga kaedah maqamat atau proses merawat rohani yang mempunyai penyakit hati. Proses penyucian hati terdiri daripada sepuluh *maqamat* iaitu taubat, sabar, syukur, *khauf*, *mahabbah*, zuhud, *tawakkal*, redha, mengingati mati, dan ikhlas. Selain itu, untuk mengelakkan penyakit hati yang dikenali sebagai maksiat batin, terdapat sepuluh sifat yang perlu dijauhi iaitu makan berlebihan, bercakap terlalu banyak, pamarah, dengki, kedekut, sukakan kemegahan, *takabbur*, *ujub*, dan *riya'*. Apabila *tazkiyah al-nafs* berlaku dalam dua dimensi, menyucikan maksiat batin (penyakit hati) dan menyuburkan taat batin (*maqamat*), maka terbentuklah pada diri seseorang hati yang suci dan berkeperibadian akhlak mulia yang diredai Allah SWT.

Kaedah kedua adalah melaksanakan ibadah sebagai mekanisme untuk melatih jiwa dan rohani sebagai pendekatan yang menghubungkan manusia dengan Pencipta. Pelbagai jenis ibadah sunat, seperti puasa, *qiamullail* (menghidupkan malam dengan ibadah), *berkhalwah* (berdiri untuk beribadah), dan *zikirullah* (mengingati Allah). Tujuan zikir ini adalah untuk mencapai makrifah terhadap Allah, membersihkan dirinya daripada semua sifat kecelaan dan menghiasinya dengan semua sifat kemuliaan, dan melepaskan diri daripada kegelapan duniawi dan mencari rahsia kerohanian (Jahid, 2015). Menurut Hussin (2020), *tazkiyah al-nafs*, iaitu pendekatan tasawuf yang biasa digunakan dalam tarekat dan kalangan ulama sufi yang berasal dari sumber al-Quran dan Sunnah, menggunakan zikir dan semua jenis ibadat sunat sebagai cara pengislahan diri dan penyucian hati.

Ketiga, kaedah pendidikan kerohanian yang mesti diikuti oleh setiap individu yang ingin mendapatkan pengetahuan tentang tasawuf mestilah mempunyai guru dan teman

yang sama-sama dalam proses pendidikan kerohanian. Kaedah yang terdiri daripada syarat dalam mendalami ilmu ini digunakan untuk memastikan amalan dan latihan penyucian jiwa yang dilaksanakan berada pada landasan ajaran Islam yang betul.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembinaan spiritual merupakan hal penting dalam mencapai keseimbangan dan kedamaian dalam hidup. Pendidikan kerohanian merupakan ilmu tasawuf yang sangat penting bagi mendidik umat Islam membersihkan jiwa dan sentiasa berbuat baik serta menjauhi maksiat. Dengan mendalami ilmu tasawuf, seseorang individu boleh mencapai kesempurnaan adab dan akhlak yang baik.

RUJUKAN

Buku

- al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (1985). *al-Ta'rifat*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Kurdi, Muhammad Najm al-Din Amin. (1368H). *Tanwīr al-Qulub Fi Mu'amalat 'Allam al-Ghuyub*. Mesir: Maktabah Shahirah.
- al-Tusi, Abu Nasr Abdallah Ali Al-Sarraj. (1914). *Al-Luma Fi al-Tasawwuf*. t.p: tpt.
- Aziz Yusof. (2014). *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Barmawie Umarie. (1961). *Sistematik Tasawwuf*. Solo: AL Sitti Syamsiyah.
- Che Zarrina Sa'ari. (2007). *Pengajian Tasawuf di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Kuala Lumpur*. Penerbit Univertsiti Malaya.
- Jahid Sidek. (2015). *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*. Selangor: al-Falah Publications.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (t.t). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shamsul Mohd Nor (2012). *Menyelami Samudera Tasawuf*. Selangor: Yamani Angle Sdn. Bhd.
- Sri Mulyati (ed), Amsal Bakhtiar, Moh. Ardani, Wiwi Siti Sajaroh, Musyrifah Sunanto, Oman Fathurrahman, Ahmad Abrori, Syamsuri, Media Zainul Bahri, Mulyadhi Kartanegara, Fakhruddin & Hamid Nasuhi. (2005). *Mengenal & Memahami Tarekat-Tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. (t.t). *Siyar al-Salikin*. Jilid 1 – Jilid 4. Pulau Pinang: Maktabah Dar al-Maarif.

Jurnal

- Afifuddin. (2017). Pendekatan Sufistik Dalam Sistem Pendidikan Islam di Perguruan Tinggi Studi Fenomenologis Program Pencerahan Kalbu di Pesantren Mahasiswa UMI Dar al-Mukhlisin Labbakkang Pangkep. *Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 11(1), 75-96.
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badaruddin. (2013). Kepentingan Nilai Tasawuf Terhadap Masyarakat Awam. *Tema 2: Pengajian Islam*, 1206-1214.
- Fariza Md Sham, Mohamed Hamdan Abdullah & A'dawiyah Ismail. (2020). Generation Z and the Level of Islamic Akhlaq Practices. *Journal of College of Sharia and Islamic Studies*, 37(2), 183-196.
- Hussin, S. (2020). Pendidikan Kerohanian dalam Kitab Turath Jawi Siyar al-Salikin. *Sains Isani*, 5(1), 67-72,
- Muhammad Zaheer Firdaus Zakiyuddin. (2021). Social Media and Effects on Interpersonal Skills: An Empirical Investigation on Teenagers from Malaysia. *IOSR Journal of Business and Management*, 23(4), 14-23.
- Muzakkir, H. (2007). Tasawuf dalam kehidupan Kontemporari: Perjalanan Neo-Sufisme. *Jurnal Usuluddin*, 26, 63-70.

- Nursafra Mohd Zhaffar, Hamzah Mohd & Khadijah Abdul Razak. (2017). Matlamat Pengajaran Berfikir Kritis Menurut Guru Pendidikan Islam. *Technical and Social Science Journal*, 6, 1-19.
- Wan Ali, W.A., Khadijah, A.R. & Mohd Isa, H. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1), 63-74.
- Wan Saleha Wan Sayed, Mohd Hasrul Shuhari & Wan Hishamudin Wan Jusoh. (2020). Institusi Tarekat Tasawuf Dalam Pemantapan Spiritual Insan. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, 4(2), 55-66
- Wan Saleha Wan Sayed, Mohd Hasrul Shuhari & Wan Hishamudin Wan Jusoh. (2020). Institusi tarekat tasawuf dalam pemantapan spiritual insan. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 4(2), 55-66.

Seminar & Prosiding

- Abdull Rahman Mahmood, Abdul Manam Mohamad Al-Merbawi, & Wan Haslan Khairudin (2020). *Konsep Tasawwuf dan Tarekat Menurut Ahli Sunnah Waljamaah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Waljamaah 4.0 (Sunnah 2020), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faudzinaim Badaruddin (2015). *Sanad Tarekat: Sejauh Manakah Sandaran Kepada Amalan Para Sahabat*. Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2015, Bangi, Malaysia.
- Jahid Sidek. (2016). *Strategi Memasyarakatkan Tarekat Dalam Kehidupan Moden*. Simposium Tarekat Tasawwuf 2016 Sempena Zikir Perdana Sedunia Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama). 21 Mei 2016, Putrajaya, Malaysia.
- Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed (2015). *Model Pengajaran 5Mim dari Perspektif al-Quran*. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa, 289–297. Nilai: Fakulti Quran dan Sunnah, USIM.
- Zakaria Stapa (2016). *Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandarannya kepada Amalan Para Sahabat*. Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2016, Melaka, Malaysia.

Laman Sesawang

- Astro Awani. (2023). 4,9994 Kes Buli Direkodkan dari Januari hingga Oktober 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4994-kes-buli-direkodkan-dari-januari-hingga-oktober-2023-444181> (diakses pada 29 Februari 2024).
- Berita Harian. (2021). Krisis Moral, Disiplin Pelajar Kian Meruncing. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/03/796254/krisis-moral-disiplin-pelajar-kian-meruncing> (diakses pada 29 Februari 2024).
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2022). Statistik Penglibatan & Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi Tahun 2016 – Disember 2022 . <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178> (diakses pada 29 Februari 2024).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.